

Headline	Jemaah dinasihat ambil vaksin H1N1		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 May 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	12	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	171 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,532
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,596



# Jemaah dinasihat ambil vaksin H1N1

**KUALA LUMPUR** - Bakal jemaah umrah mulai Mei ini, dinasihatkan mengambil suntikan vaksin H1N1 sebagai langkah pencegahan awal mengelak jangkitan Virus Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers-CoV).

Pegawai Khidmat Pelanggan Tabung Haji Travel and Services Sdn Bhd (THTS), Norhayati Jaafar berkata, jemaah umrah terutamanya warga emas yang berisiko tinggi terkena jangkitan virus itu digalakkan untuk mendapatkan suntikan tambahan berkenaan selain suntikan vaksin Meningococcal Meningitis jenis A, C, Y, W135.

"Suntikan vaksin meningococcal ini, satu perkara yang wajib untuk urusan kelulusan visa dan pasport jemaah, tetapi suntikan vaksin H1N1 ini jemaah boleh mengambil sendiri bagi elak diri daripada mudah terkena wabak Mers-CoV ini memandangkan masih belum ada vaksin khusus mencegah jangkitan virus ini," katanya, semalam.

Norhayati berkata, jemaah umrah juga disaran memakai topeng muka sepanjang menunaikan ibadat umrah nanti di samping perlu menjaga kesihatan diri secara rapi.

Katanya, bagaimanapun lawatan ke ladang unta dihentikan seketika kerana faktor penyebaran wabak Mers-CoV disyaki berpunca daripada unta di Arab Saudi.

Dalam perkembangan lain, Norhayati berkata, setakat ini, pihak THTS akan melaksanakan pakej umrah seperti biasa memandangkan masih belum menerima sebarang keputusan rasmi daripada Arab Saudi mengenai cadangan menghentikan sementara pemberian visa umrah berikutan penyebaran wabak tersebut.

Beliau berkata, memang ada laporan sebelum ini mengatakan pemberian visa umrah akan dihentikan.

Pada 16 April, Kementerian Kesihatan mengesahkan kematian seorang lelaki yang baru pulang daripada mengerjakan umrah disebabkan jangkitan Mers-CoV.

Lelaki Melayu berusia 54 tahun berasal dari Batu Pahat, Johor itu pulang dari Tanah Suci pada 29 Mac.

Dia mengalami demam, batuk serta sukar bernafas kira-kira 10 hari kemudian.

Pada 10 April dia dimasukkan ke Hospital Sultanah Nora Ismail, tetapi meninggal dunia tiga hari selepas itu. - Bernama